

29 OCT 1996

Mahathir-Bandar

BERI PELUANG KEPADA PROJEK BANDAR JAJAR KL, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata peluang harus diberikan terhadap pelaksanaan projek Bandar Jajar KL, yang akan dimajukan pada awal tahun depan.

Beliau berkata: "Mereka (pemaju) telah berjanji untuk menjaga kebersihan sungai dan projek ini menarik kerana ia agak canggih dan luar biasa, dan mungkin menjadi satu ciri tersendiri untuk Kuala Lumpur."

Ketika ditanya sama ada Kuala Lumpur memerlukan projek sedemikian, Dr Mahathir berkata: "Kenapa tidak, adakah sebab kenapa ia tidak memerlukannya?"

Bercakap kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani dua perjanjian berkaitan projek itu, beliau berkata terdapat bantahan setiap kali sesuatu projek hendak dilaksanakan.

"Beri mereka peluang. Seperti juga apabila kita meminta supaya Michael Jackson diberikan peluang," kata Dr Mahathir sambil merujuk kepada bantahan terhadap konsert penyanyi antarabangsa itu di Kuala Lumpur.

Projek Bandar Jajar KL merupakan sebuah pembangunan yang bersepadu meliputi sepanjang 12 km di Sungai Klang bermula dari Jalan Tun Razak ke Kampung Pasir di Jalan Klang Lama.

Projek itu menyatupadukan sebuah pengangkutan yang cekap, infrastruktur berkualiti dan alam sekitar yang indah.

Projek itu, yang dianggarkan berharga antara RM5 bilion dan RM10 bilion, dijangka dilaksanakan dalam beberapa fasa meliputi tempoh antara 20 hingga 25 tahun.

Ketika ditanya sama ada projek itu akan menyebabkan lebih hartanah, Dr Mahathir berkata walaupun banyak bangunan dibina, masih ada orang yang mahu tinggal di dalamnya.

"Kalau kita lihat Kuala Lumpur pada tahun 1970, bilangan penduduknya tidak ramai, bangunanpun tidak banyak tetapi apabila kita bina bangunan, ada orang datang duduk dan mereka membayar sewa," katanya.

Semasa ditanya kenapa projek Bandar Jajar KL dirahsiakan, Perdana Menteri berkata: "Kerana kita takut kepada media.

"Apabila media berpegang kepada sesuatu perkara dan menjadikannya satu isu, pastinya ia akan menjadi isu.

"Sebagai contoh, apabila kita tanam pokok palma, media tunjuk gambar pokok palma tumbang kerana dilanggar kereta. Apa juga yang ditanam, ia pasti tumbang apabila dilanggar kereta.

"Tetapi media begitu ghairah berhubung pokok palma, kononnya Datuk Bandar sampai tidak boleh tidur (merujuk kepada lukisan kartun yang disiarkan oleh sebuah akhbar baru-baru ini). Datuk Bandar tidur lena, yang tidak boleh tidur adalah wartawan."

Mengikut perjanjian pembangunan yang ditandatangani antara kerajaan dan KL LinearCity Sdn Bhd, kerajaan akan mengamanahkan kawasan Sungai Klang sepanjang 12 km kepada syarikat itu bagi pembangunan bandar bersepadu dan program pengindahan.

Kerajaan juga menandatangani satu perjanjian dengan KL PRT Sdn Bhd untuk melaksanakan pembinaan, penyenggaraan dan operasi sistem transit awam dalam bandar laluan atas sejauh 16 km yang diberi nama "People-mover Rapid Transit" (PRT) untuk tempoh konsesi selama 30 tahun.

KL LinearCity akan menjalankan program pembersihan dan pembaikan sungai untuk memulihkan sungai.

Kira-kira 1,000 setinggan yang terbabit dengan pembangunan itu akan ditempatkan semula ke rumah kos rendah.

Fasa 1 pembangunan Bandar Jajar KL akan dilaksanakan pada awal tahun 1997 dengan pembinaan GigaWorld, sebuah pusat pelancongan unik sepanjang 2.4 km, menjadikannya bangunan terpanjang di dunia.

Pembinaan seksyen 1 sistem monorel PRT dari Bas Stesen Pekeliling ke Jalan Tun Sambanthan dijangka dimulakan pada bulan depan dan disiapkan pada tahun 1998 atau 1999. -- BERNAMA

AZZ AKD